

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini memuatkan pendekatan-pendekatan yang digunakan sebagai kerangka teori dan analisis data. Latar belakang peserta, kaedah penyediaan transkripsi, simbol-simbol di dalam transkripsi bahasa Jepun dan bahasa Melayu, aliran penyediaan transkripsi dan pemerhatian terhadap data turut dimuatkan di dalam bab ini. Tidak ketinggalan adalah pengenalan kepada rancangan televisyen yang terlibat secara sepantas lalu.

3.2 Pendekatan-pendekatan yang Digunakan

Pendekatan kajian tesis ini merupakan penggabungan pendekatan beberapa orang pengkaji bahasa seperti Usami (2000), Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974), Tanaka (2000) dan Kubota (2001).

Seperti yang telah diterangkan terdahulu, pendekatan yang digunakan bagi menyediakan transkripsi iaitu memberi simbol-simbol di dalam transkripsi ini, adalah dipetik dari BTSJ oleh Usami (2000) dengan sedikit pengubahsuaian

supaya bertepatan dengan corak data perbualan kajian ini. Pengubahsuaian ini perlu memandangkan BTSJ oleh Usami adalah berdasarkan perbualan perorangan dan konteks perbualannya adalah lebih bersahaja manakala data perbualan kajian ini pula adalah perbualan secara berkumpulan dan tema perbualan perorangan pula adalah serius.

Kerangka teori yang mendasari kajian ini adalah kerangka teori Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) kerana kajian perbualan yang mereka pelopori adalah berdasarkan struktur perbualan, iaitu melihat bentuk-bentuk pengambilan giliran, celahan, pertindanan, TRP, pasangan adjasensi dan maklum balas.

Bagi menganalisis data pula, oleh kerana kajian ini adalah kajian terhadap perbualan bahasa Jepun dan bukan bahasa Inggeris, penulis menggunakan pendekatan yang digunakan oleh Tanaka (2000). Tanaka telah menjalankan kajian secara terperinci mengenai bentuk-bentuk pengambilan giliran bahasa Jepun iaitu kemungkinan TRP di dalam perbualan, celahan, pertindanan, strategi menutup perbualan dan strategi mengekalkan giliran.

Teori-teori dan pendekatan yang digunakan oleh Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) dan Tanaka (2000) telah dikupas di dalam Bab 2. Pendekatan Tanaka (2000) digunakan bukan sahaja kerana data perbualan kajian adalah berbahasa Jepun, tetapi juga kerana objektif kajian ini, iaitu pengambilan giliran dan strategi perbualan merupakan objektif kajian yang sama dengan Tanaka (2000). Lagipun, Tanaka (2000)

tidak membandingkan dapatannya dengan dapatan atau teori Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974). Menurut beliau bahasa Jepun merupakan satu bahasa yang berbeza dari bahasa Inggeris bukan sahaja dari segi nahu tetapi juga ‘unit-unit’ yang terdapat di dalam perbualan bahasa Jepun seperti yang telah dibincangkan di dalam Bab 2.

Pendekatan yang digunakan bagi menganalisis *aizuchi* adalah daripada pendekatan yang digunakan oleh Kubota (2001) yang telah membezakan antara *aizuchi* dan maklum balas. Pendekatan yang digunakan oleh Kubota ini juga telah dikupas dengan terperinci di dalam Bab 2.

Pendekatan etnografi komunikasi digunakan secara menyeluruh di dalam kajian ini kerana kajian linguistik adalah tidak lengkap tanpa menganalisa psikologi, sosiologi dan etnologi (Hymes, 1974) kumpulan manusia yang terlibat di dalam sesuatu komunikasi. Pendekatan etnografi dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam Bahagian 3.2.1.

3.2.1 Pendekatan Etnografi Komunikasi di dalam Analisis Data

Cameron (2001) memberi definisi etnografi sebagai,

..investigation of culture(s) using a particular methodology, that of participant observation.

(Cameron, 2001: 53)

Analisis data perbualan mestilah menggunakan pendekatan etnografi kerana seseorang pengkaji tidak dapat memisahkan subjek kajian dari budaya, kepercayaan, kumpulan etnik, psikologi dan cara hidup seseorang di dalam masyarakat. Pendekatan ini boleh membuka ruang baru kepada pengkaji melalui analisis bentuk komunikasi sebagai sebahagian dari budaya (Hymes, 1974).

Menurut Cameron (2001) etnografi komunikasi boleh digunakan oleh pengkaji bagi menganalisis kedua-dua budaya iaitu budaya ‘sendiri’ dan ‘budaya luar’. Menurutnya lagi, jika yang dikaji adalah aspek budaya pengkaji sendiri, seseorang pengkaji harus meletakkan ‘jarak’ antara dirinya dan fenomena yang dikaji agar mereka tidak ‘terlepas pandang’ ciri-ciri budaya yang terdapat di dalam kajian mereka. Sebagai penutur kedua bahasa Jepun, penulis bukan sahaja mengkaji ciri-ciri perbualan tetapi harus memberi penjelasan kenapa ciri-ciri perbualan tersebut wujud di dalam kajian ini. Kajian etnografi bukan sekadar kajian ke atas pertuturan semata-mata tetapi juga budaya peserta kerana pertuturan adalah sebahagian daripada budaya yang mempunyai peraturan tersendiri.

Di dalam Analisis Data Bab 4, 5 dan 6 penulis akan cuba mengaitkan segala dapatan penulis dengan budaya, kepercayaan dan sifat bahasa Jepun seperti kesopanan, *aizuchi* dan ujaran yang mempunyai konotasi ketidakpastian. Apabila dapatan kajian dapat dikaitkan dengan budaya sesuatu masyarakat, maka keunikan sesuatu budaya dan bangsa tersebut akan lebih terserlah. Pendekatan

etnografi dapat membantu pengkaji memahami tingkah laku peserta dan sifat bahasa di dalam sesuatu masyarakat.

3.3 Latar Belakang Peserta

Peserta di dalam rancangan diskusi ini dibahagikan kepada dua kumpulan yang bertentangan pendapat. Para peserta diskusi ini adalah politikus yang terdiri daripada dua pihak yang bertentangan iaitu pemimpin parti politik kerajaan dan pemimpin parti politik pembangkang. Oleh yang demikian, sebarang pertentangan pendapat adalah tidak dapat dielakkan. Perbincangan dan pertentangan pendapat adalah berdasarkan keputusan yang telah diperbincangkan di *Diet*, salah laku ahli politik atau dasar-dasar kerajaan.

Kesemua ahli politik ini adalah dari kumpulan kanan dan memegang jawatan tertinggi di dalam parti dan kerajaan. Istilah ‘kanan’ digunakan bagi menggantikan istilah *seniority* di dalam bahasa Inggeris. Kamus Dwibahasa, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1987) memberi terjemahan *seniority* sebagai ‘orang yang berusia yang lanjut’, ‘masa perkhidmatan yang lebih lama’, ‘pangkat yang lebih tinggi’ dan ‘kekananan’. Oleh itu istilah ‘kanan’ yang digunakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan makna yang telah ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadual 3.1 dan 3.2 berikut menunjukkan kategori kekananan peserta yang terlibat di dalam kajian ini.

Jadual 3.1: Peserta Kanan di dalam Perbincangan Berkumpulan

Kategori Peserta	Peserta
Lebih berumur	A, E, EE, GG, K
Jawatan tertinggi parti	O, L, K

Jadual 3.2: Peserta Kanan di dalam Perbincangan Perorangan

Kategori Peserta	Peserta
Lebih berumur	K
Jawatan tertinggi parti	I, K, L
Pegawai tertinggi kerajaan	R

Jadual 3.3 dan 3.4 menunjukkan latar belakang peserta perbincangan berkumpulan dan perbincangan perorangan, sama ada peserta adalah pemimpin parti pemerintah atau parti pembangkang.

Jadual 3.3: Latar Belakang Peserta Perbincangan Berkumpulan

Sesi	Tarikh	Masa (minit)	Peserta	Posisi politik
1	1.10.00	60	$\alpha A, B, C$	kerajaan
			$D, \alpha E, F$ ΔG	pembangkang
2	8.10.00	60	BB,CC,DD	kerajaan
			$\alpha E, FF, \alpha GG,$ HH,II	
3	22.10.00	60	H,M,N	kerajaan
			$\beta O, \beta L, \alpha \beta K, Q$	pembangkang
4	29.10.00	45	H,S,T	kerajaan
			$\beta O, \alpha \beta K, \beta L, Q$	pembangkang

Jadual 3.4 : Latar belakang peserta perbincangan perorangan

Sesi	Tarikh	Masa (minit)	Peserta	Posisi politik
1	15.10.00	15	H	kerajaan
2		12	βI	pembangkang
3		10	J	kerajaan
4		7	$\alpha \beta K$	pembangkang
5		8	βL	pembangkang
6	29.10.00	13	χR	kerajaan
7	18.11.00	24	Y	kerajaan
8		29	AA	kerajaan
9		16	βI	pembangkang

Keseluruhannya terdapat 29 peserta yang mengambil bahagian dan terdapat peserta yang mengambil bahagian di dalam kedua-dua perbincangan berkumpulan dan perbincangan perorangan iaitu H, L dan K.

Perbincangan berkumpulan adalah perbincangan di antara Pengerusi, pemimpin parti kerajaan dan pemimpin parti pembangkang. Perbincangan perorangan adalah perbincangan di antara Pengerusi dan seorang peserta sahaja sama ada pemimpin parti kerajaan atau pemimpin parti pembangkang. Selain dari itu terdapat juga peserta yang mengambil bahagian di dalam perbincangan perorangan sebanyak 2 kali iaitu I. Peserta di dalam perbincangan berkumpulan yang mengambil bahagian sebanyak dua kali pula ialah H, O, L, K dan Q.

3.4 Rakaman Data

Penulis merakamkan rancangan televisyen NHK yang bersifat perbincangan dan perdebatan. Rancangan diskusi ini bertajuk *Nichiyou Touron* yang bermaksud ‘Diskusi Hari Ahad’. Rancangan tersebut adalah selama satu jam bermula dari pukul 9 pagi sehingga pukul 10 pagi selama 6 episod.

Jumlah masa rakaman bagi kajian ini adalah 360 minit. Selain daripada perbincangan berkumpulan, terdapat juga perbincangan perorangan. Oleh itu terdapat ruang masa yang berlaku semasa pertukaran para peserta tersebut yang menyebabkan jumlah perbualan sebenar adalah 349 minit, iaitu 225 minit bagi perbincangan kumpulan dan 124 minit bagi perbincangan perorangan seperti di dalam Jadual 3.3 dan 3.4.

Jadual 3.5 : Jumlah Masa Rakaman Perbualan Berkumpulan

Sesi	Masa (Minit)
1	60
2	60
3	45
4	60
Jumlah	225

Jadual 3.6 : Jumlah Masa Rakaman Perbualan Perorangan

Sesi	Masa (Minit)
1	15
2	12
3	10
4	7
5	8
6	13
7	24
8	29
9	6
Jumlah	124

Ada sesi di mana diskusi tersebut menjangkau lebih daripada satu jam mengikut keperluan rancangan tersebut, tetapi penulis hanya merakamkan satu jam yang pertama sahaja.

3.5 Kaedah Penyediaan Transkripsi

Langkah pertama penulis untuk mendapatkan data mentah adalah dengan membuat rakaman video terlebih dahulu. Bagi memudahkan kerja-kerja transkripsi, rakaman video tersebut dialihkan kepada rakaman audio.

Kerja-kerja membuat draf transkripsi dilakukan oleh tujuh orang pelajar tahun 4, Universiti Chuo, Tokyo, Jepun yang merupakan penutur asli bahasa Jepun. Ini merupakan langkah yang sangat penting kerana mereka bukan sahaja memudahkan kerja-kerja transkripsi malah merupakan rujukan utama penulis apabila timbul ujaran yang tidak lengkap, tidak difahami, taksa dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, khidmat pelajar ini hanya digunakan di peringkat awal penyediaan draf, iaitu mereka hanya menulis semula apa yang dibincangkan oleh para peserta perbualan. Seterusnya, penyediaan semula draf transkripsi, beberapa proses ulang-dengar dan pembetulan, memasukkan simbol dan *aizuchi* telah dilakukan. Terdapat sejumlah 21 langkah aliran penyediaan transkripsi yang telah dibuat oleh penulis dan pelajar tersebut hanya terlibat pada peringkat ketiga (lihat Bahagian 3.9).

Penulis juga mendapatkan khidmat seorang penutur asli bahasa Melayu yang boleh berbahasa Jepun supaya sebarang kesilapan (jika ada) yang dibuat oleh penulis semasa membuat semula transkripsi dapat diperbetulkan. Langkah

mengambil khidmat penutur asli bahasa Melayu ini dapat mengesahkan semula atau memastikan ujaran yang penulis tersebut dengar dan tulis adalah benar.

Transkripsi dan metodologi transkripsi seperti simbol-simbol disediakan mengikut pendekatan yang telah dibuat oleh Usami (2000) yang merangka kaedah penyediaan transkripsi perbualan bahasa Jepun. Usami Mayumi seorang pensyarah daripada *Tokyo Foreign Language University* telah merangka *Basic Transcription System for Japanese* (BTSJ) seperti yang terdapat pada di Bahagian 3.5.

3.6 Simbol-simbol di dalam Transkripsi

Di dalam transkripsi kajian ini, simbol-simbol tertentu digunakan bagi menjelaskan perlakuan para peserta di dalam perbualan ini, seperti celahan, pertindanan dan sebagainya. Simbol-simbol dan pengolahan transkripsi ini diambil daripada BTSJ yang disediakan oleh Usami (2000). Walau bagaimanapun simbol dan cara penyediaan transkripsi ini telah diubahsuai bagi memenuhi kehendak kajian ini. Ini kerana peserta-peserta di dalam kajian (yang terlibat di dalam sesuatu sesi) bercampur-campur antara dua orang sehingga tujuh orang sedangkan BTSJ adalah khusus untuk perbualan dua orang.

Di antara simbol-simbol yang terlibat adalah seperti berikut:

P	Pengerusi
A~Y, AA~II	Peserta yang terlibat
Z	Beberapa orang yang bukan peserta perbincangan tetapi disebut-sebut oleh para peserta
#	Penutur yang membuat celahan, yang tidak dapat dikenal pasti akibat pertindanan atau suara perlahan
Δ	Penutur ini tidak terlibat di dalam kajian
α	Penutur yang lebih berumur di dalam parti berbanding peserta lain
β	Penutur yang memegang jawatan tertinggi parti
χ	Penutur adalah pegawai tertinggi kerajaan
, atau ‚	Koma yang terdapat di hujung ujaran menunjukkan satu-satu unit idea atau ujaran yang belum selesai kerana dicelah oleh penutur lain atau, PPU di pertengahan ujaran
。	Noktah (satu ujaran selesai di dalam ayat bahasa Jepun)
??	Bunyi paralinguistik peserta
()	<i>Aizuchi</i>
< > { < }	Ujaran pertama yang ditindan
< >	Ujaran kedua dan seterusnya yang bertindan
< > { > }	Ujaran terakhir yang bertindan.
(())	Pendengar ketawa
<< >>	Penutur ketawa
(< >)	Penutur dan pendengar ketawa

XXX	Ujaran yang tidak dapat dikenal pasti kerana suara perlahan atau kerana pertindanan.
↑	Intonasi tinggi pada ujaran
/	Jeda yang agak lama antara ujaran
—	Bunyi panjang seperti まー(maa), ニのー(konoo) dan sebagainya
...	Singkatan ujaran
[]	Penerangan terhadap ujaran di dalam Bab 1-3
[1~32]	Nombor ujaran yang dipetik dari data perbualan, disertai dengan penerangan terdapat di dalam Bab 4 dan Bab 5
(1~8522)	Nombor baris yang terdapat di dalam data perbualan di dalam apendiks.

Kesemua simbol-simbol ini terdapat di dalam transkripsi bahasa Jepun dan transkripsi rumi.

3.7 Kaedah Pengiraan *Aizuchi*

Kajian ini juga cuba mendapatkan kekerapan *aizuchi* yang digunakan oleh penutur asli bahasa Jepun di dalam perbualan. Oleh itu jumlah *aizuchi* bagi setiap sesi perbualan turut dikira dengan teliti. Penulis menggunakan kaedah pengiraan secara manual.


Pertama sekali, pengiraan setiap *aizuchi* adalah berdasarkan apa yang terdapat di dalam data perbualan. Seterusnya, bagi mendapatkan kepastian, penulis menggunakan pengiraan manual berdasarkan penggunaan *Microsoft Word*. Rajah 3.1 menunjukkan kaedah pengiraan berdasarkan penggunaan *Microsoft*

Word ini. Kaedah pengiraan menggunakan *Microsoft Word* adalah dengan menggunakan fungsi ‘*find*’ yang terdapat dalam menu ‘*edit*’. Caranya adalah seperti berikut :

Langkah 1 : Tekan pada menu ‘*edit*’ untuk mendapatkan format ‘*find*’.

Langkah 2 : Taipkan perkataan yang hendak dikira di dalam kotak format ‘*find what*’.

Langkah 3 : Tekan ‘*find next*’. Perkataan yang hendak dikira akan tertera seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 3.1. Ini adalah bilangan pertama *aizuchi* yang dicari. Ulangi langkah 3 sehingga perkataan yang hendak dikira selesai.



Rajah 3.1: Kaedah Pengiraan *Aizuchi* Menggunakan Fungsi ‘*find*’

Kedua-dua pengiraan manual ini kemudian dibandingkan. Jika terdapat sebarang perbezaan jumlah maka pengiraan akan dibuat sekali lagi. Pengiraan tidak dapat dijalankan secara automatik dengan menggunakan fungsi *Word Count* yang terdapat di dalam menu ‘*tool*’ kerana *aizuchi* berganda seperti *aizuchi un un* atau *un un un* akan dikira sebagai satu jenis *aizuchi un*.

3.8 Transkripsi Bahasa Jepun, Rumi dan Terjemahan serta Makna

Transkripsi asal di dalam bahasa Jepun turut dimuatkan di dalam kajian ini bagi kemudahan pengkaji lain yang memahami bahasa Jepun. Ujaran-ujaran ini kemudiannya ditukarkan kepada tulisan rumi dan seterusnya diberi terjemahan di dalam bahasa Melayu bagi kemudahan pengkaji atau pembaca yang tidak memahami bahasa Jepun.

Walau bagaimanapun terjemahan ini mungkin tidak menepati makna seperti mana yang terdapat di dalam bahasa Jepun itu sendiri. Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana perbezaan nahu dan bahasa. Ujaran yang tidak dapat diterjemahkan akan kekal mengikut transkripsi rumi bahasa Jepun.

Aizuchi juga tidak diterjemahkan supaya makna asal *aizuchi* di dalam bahasa Jepun dapat dipertahankan. Walau bagaimanapun secara ringkasnya, *hai, un, ee, aa* membawa maksud ‘ya’. *Naruhodo* mengikut kamus *New Collegiate* terbitan Kenkyusha (1983), membawa maksud *I see* atau *really!, haa* pula membawa makna *yes, indeed, well* atau *I see*. Makna sebenar *aizuchi* ini dan

fungsinya boleh didapati daripada ujaran-ujaran yang terbabit yang terdapat di dalam Bab 4 dan Bab 5.

Terdapat beberapa masalah di mana kedudukan *aizuchi* di dalam sebutan bahasa Jepun dan terjemahan di dalam bahasa Melayu itu berubah. Misalnya, *aizuchi* yang berada di hujung ujaran, di dalam transkripsi bahasa Jepun atau transkripsi rumi mungkin akan dipindahkan ke pertengahan atau awal ujaran di dalam terjemahan bahasa Melayunya. Juga, terjemahan perkataan bahasa Jepun tidak dapat diterjemahkan secara literal dan agak sukar untuk menterjemahkan satu-satu ayat bahasa Jepun kepada satu ayat bahasa Melayu. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana nahu yang berbeza antara bahasa Jepun dan bahasa Melayu. Misalnya peraturan nahu bahasa Melayu adalah subjek - kata kerja - objek sedangkan bahasa Jepun pula adalah subjek - objek - kata kerja.

Transkripsi dan petikan data perbualan akan lebih mudah difahami oleh pembaca yang mengetahui bahasa Jepun. Bagi pembaca yang tidak memahami bahasa Jepun, mereka boleh melihat terjemahan bahasa Melayu. Bagi mengurangkan kekeliruan terhadap terjemahan bahasa Melayu, penulis menyediakan terjemahan mengikut nahu bahasa Melayu dan bukan menurut susunan nahu bahasa Jepun.

Ujaran yang tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu akan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Terdapat ujaran yang tidak dapat diterjemahkan sama ada ke dalam bahasa Melayu maupun bahasa Inggeris seperti ujaran *anou*, *maa kono*, *sono*, *eeto*, *eetodesune*, *ee* dan sebagainya. Ujaran ini tidak akan diterjemahkan langsung. Ia akan kekal di dalam bahasa Jepun.

Ujaran *anou*, *maa kono*, *sono*, *eeto*, *eetodesune* dan *ee* digunakan semasa seseorang penutur mencari unit idea seterusnya ketika masih memberi ujaran. Lihat Bab 4, Bab 5 dan Bab 6 di mana terdapat banyak penggunaan ujaran seperti ini, atau lihat contoh petikan data perbualan yang berikut. Ujaran seperti ini adalah dikenali sebagai strategi pertuturan bahasa Jepun dan mempunyai konotasi ketidakpastian. Ia juga merupakan salah satu bentuk strategi kesopanan bahasa Jepun.

Berikut adalah contoh yang diambil dari data perbualan kajian bagi menunjukkan perbezaan nahu bahasa Jepun dan bahasa Melayu. Ia juga dapat menunjukkan kesukaran penulis bagi mencari makna atau perkataan yang sesuai di dalam bahasa Melayu.

O: それと今度の一あのー、衆議院の場合ですねー、(うん) まずは例えば、全国区を経験した人とか、(うん) あるいは、その問題となっている協議会に、参加した、参議院のですね、(うん) 与野党の皆さんとか、(うん) そういう人たちをぜひ、参考人にお招きをしてですねー、(うん) いろんな議論をする必要があると思っています。(はーはー)

soreto kondono anou, shuugiinno baai desune, (un) mazuwa tatoeba, zenkokukuwo keikenshitahitotoka, (un) aruiwa, sono mondaito natteiru kyougikaini, sankashita, sangiinno desune, (un) yoyatouno minasantoka, (un) soiuuhitotachiwo zehi, sankouninni omanekiwo shite desune, (un) ironna gironwo suru hitsuyouga aruto omotteimasu. (haahaa)

Dan kali ini **anou**, untuk kes **Dewan Perwakilan**, (un) pertama sekali contohnya, orang yang berpengalaman *national constituency* atau, (un) atau yang mengambil bahagian di dalam majlis yang menjadi masalah sekarang, iaitu Dewan Ahli Majlis, (un) iaitu ahli parti kerajaan dan pembangkang, (un) orang-orang seperti itu seharusnya, dijemput, (un) saya rasa perlu mengadakan berbagai perdebatan. (haahaa)

Dengan jelas, kita dapat melihat di dalam baris pertama, perkataan **あのう (anou)** tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu kerana tiada perkataan yang sesuai bagi perkataan tersebut di dalam bahasa Melayu. Begitu juga dengan ujaran **衆議院の場合ですねー (shuugiinno baai desunee)** diterjemahkan mengikut susunan nahu bahasa Melayu iaitu **untuk kes Dewan Perwakilan** dan bukan mengikut susunan nahu bahasa Jepun iaitu, ‘Dewan Perwakilan untuk kes’. Juga, tiada terjemahan yang sesuai untuk **nee** di dalam **desunee**.

Di dalam baris terakhir pula, いろんな議論をする必要があると思つています (*ironna gironwo suru hitsuyouga aruto omotteimasu*) diterjemahkan sebagai **saya rasa perlu mengadakan berbagai perdebatan** dan bukan ‘berbagai perdebatan mengadakan perlu saya rasa’. Kata kerja *omotteimasu* di dalam bahasa Jepun terletak pada penghujung ayat atau frasa sedangkan terjemahannya di dalam bahasa Melayu iaitu ‘saya rasa’ diletakkan di bahagian depan ayat atau frasa. *Omotteimasu* jika diterjemahkan secara literal adalah bermakna ‘saya sedang rasa’, sedangkan tiada ungkapan tersebut di dalam bahasa Melayu.

Kesukaran seperti ini menyebabkan penulis tidak dapat menyediakan terjemahan satu lawan satu antara bahasa Jepun dan bahasa Melayu. Atau dengan bahasa yang lebih mudah lagi, adalah mustahil untuk penulis menyediakan satu terjemahan yang berpadanan seratus peratus dengan teks asal bahasa Jepun.

Ejaan tulisan rumi dibuat mengikut sistem ejaan bahasa Jepun itu sendiri seperti yang dibuat oleh Roslina (1999) dan Roslina (2002). Contohnya, あのう dieja *anou*, ええと dieja *eeto*, partikel を dieja sebagai *wo*, partikel は dieja sebagai *wa* dan ぎろん dieja sebagai *giron*. Manakala *aizuchi* dan bunyi panjang seperti えー, はー dan このー dieja dengan menggandakan huruf vokal menjadi *ee*, *haa*, *konoo* dan sebagainya.

Berikut adalah contoh transkripsi bahasa Jepun, transkripsi rumi (bacaan) dan terjemahan yang diambil dari data perbualan Bab 4. Daripada contoh petikan ini, simbol-simbol yang terdapat di dalam ketiga-tiga transkripsi seperti yang telah diterangkan di atas dapat dilihat.

[15] L seorang pemimpin tertinggi sebuah parti pembangkang menggunakan ayat perintah *nasai* yang agak kasar setelah ujarannya diganggu oleh M dan # dari pihak yang berlawanan.

(4583-4597)

L: ...もともとその与党案にですねー、(うん) 請託 外すっていうのはもともとの野党案ですよ。

...motomoto sono yotouanni desunee, (un) seitaku hazusulteiunowa motomotono yatouan desuyo.

...Pada rang undang-undang yang dibuat oleh parti kerajaan, (un) terdapat cadangan yang dikeluarkan dan itu adalah sebenarnya rang undang-undang yang dibuat oleh parti pembangkang.

[15] merupakan nombor ujaran iaitu nombor data perbualan yang terdapat di dalam Bab 4, Bab 5 dan Bab 6. Nombor petikan diikuti oleh penerangan terhadap petikan data tersebut. (4583-4597) pula merupakan nombor baris yang terdapat di dalam apendiks data perbualan sebagai satu rujukan. Simbol L: merupakan peserta yang mengambil bahagian. Simbol ... bermaksud petikan tersebut telah diringkaskan, iaitu penulis cuma mengambil ujaran yang berkenaan sahaja dan meninggalkan ujaran di permulaan (atau akhir) giliran seseorang

penutur. Teks bahasa Jepun diikuti oleh bacaannya di dalam tulisan rumi. Terjemahan teks di dalam bahasa Melayu dimuatkan pada perenggan ketiga data perbualan.

Terdapat simbol XXX di dalam data perbualan, di mana ia mewakili ujaran yang tidak dapat didengar dengan jelas, akibat suara yang perlahan atau akibat pertindanan.

3.9 Pemerhatian terhadap Data

Selepas draf transkripsi siap, penulis mendengar kesemua enam kaset dan memeriksa draf transkripsi bagi membetulkan sebarang kesilapan yang dilakukan oleh pelajar termasuk memberi simbol-simbol yang perlu. Ada ujaran dan penutur yang tidak dapat dikenal pasti dan ditanda melalui simbol-simbol tertentu. Penulis mengambil masa selama hampir dua tahun kerana penulis terpaksa mendengar dan membuat pembetulan berulang kali, bagi menyediakan transkripsi yang bermutu tinggi.

Selepas pembetulan draf selesai, analisis rakaman video pula dilakukan untuk melihat gerak badan para peserta bagi mencari makna ujaran yang tidak jelas, pertindanan dan sebagainya. Setiap satu sesi iaitu satu jam ujaran memerlukan lebih daripada sepuluh jam penelitian. Walaupun begitu, kerja-kerja ini tentulah tidak sempurna 100% kerana menurut Usami (2000) sendiri, kerja-kerja sebegini tentulah tidak akan selesai sampai bila-bila. Ini

kerana kadang-kadang seseorang itu mendengar apa yang sebenarnya tidak wujud dan apa yang seseorang itu dengar tidak semestinya sama dengan apa yang orang lain dengar. Ini benar di dalam kes *aizuchi* dan ujaran yang bertindan-tindan.

Keadaan ini lebih dirasai apabila peserta kajian adalah melebihi dua orang. Terdapat situasi di mana lebih daripada tiga orang peserta bercakap serentak tanpa mengikut peraturan pengambilan giliran. Oleh itu, langkah penulis meminta bantuan penutur asli bahasa Jepun bagi menyediakan draf transkripsi sangatlah penting. Walau bagaimanapun pemantauan terhadap draf data telah dilakukan dengan teliti dan rapi .

3.10 Aliran Penyediaan Transkripsi

Di bawah adalah aliran perolehan data yang menunjukkan pemantauan yang dilakukan oleh penulis terhadap draf-draf yang dilakukan oleh pelajar-pelajar ini.

Rakaman Video




Rakaman kaset




Draf oleh penutur asli bahasa Jepun (berdasarkan kaset)



Penelitian draf oleh penulis (berdasarkan draf transkripsi pelajar)





Rajah 3.2: Aliran Penyediaan Transkripsi Data

Boleh dilihat dengan jelas bagaimana penulis tidak bergantung kepada draf yang disediakan oleh pelajar sahaja. Penyemakan dan pembetulan dilakukan berulang kali dan mengambil masa yang lama, sehinggalah penulis berpuas hati. Peringkat terakhir adalah setelah penulis melakukan praanalisis data bagi memastikan adakah transkripsi dan analisis tersebut selari bagi kesemua sesi. Langkah ini penting bagi melihat jika terdapat perbezaan tertentu bagi setiap sesi. Jika perbezaan ini wujud penulis perlu pastikan, sama ada terdapat kesalahan semasa penyediaan transkripsi atau sebaliknya. Apa yang penulis mahukan adalah kepastian bagi membolehkan analisis data yang berkualiti.

3.11 *Nichiyou Touron* (Diskusi Hari Ahad): Sepintas Lalu

Para peserta adalah orang profesional iaitu ahli politik berumur antara 40an sehingga 70an. Terdapat juga sesi perbincangan antara pengacara dengan seorang peserta sahaja. Perbincangan perorangan ini juga turut dibuat kajian bagi melihat perbezaan perbincangan perorangan dan perbincangan berkumpulan.


Kedudukan tetamu boleh dibahagikan kepada 3 keadaan bergantung kepada latar belakang peserta. Peserta dari parti pembangkang lebih ramai daripada peserta dari parti kerajaan. Terdapat situasi di mana hanya seorang peserta dan perbualan hanya berlangsung antara pengurus dan peserta tersebut sahaja. Contoh kedudukan peserta ini boleh dilihat melalui Rajah 3.3.

Politikus dari parti pembangkang

(D~G)


Politikus dari parti kerajaan

(A~C)




Rajah 3.3 : Contoh Kedudukan Pengerusi (P) dan Peserta (A~G) (Bagi Para Peserta Sesi 1)

Rajah 3.3 menunjukkan kedudukan peserta yang terdiri daripada pihak yang berlawanan prinsip dan pendapat iaitu ahli politik dari parti pembangkang dan parti kerajaan. Rajah 3.4 pula menunjukkan kedudukan peserta apabila giliran perbualan telah ditetapkan di mana hanya seorang sahaja berada bersama pengerusi dan peserta lain menunggu gilirannya di belakang pentas.




atau,



Rajah 3.4: Kedudukan Pengerusi (P) dan Seorang Peserta (H) dan (I)

Rajah 3.5 pula merupakan aliran rancangan tersebut.



Rajah 3.5 : Aliran Rancangan *Nichiyou Touron*

Oleh kerana rancangan ini disiarkan secara langsung pada setiap hari Ahad, topik-topik yang dibincangkan adalah berkenaan dengan isu-isu panas yang telah dibahaskan selama seminggu tersebut di *Diet*. Parti pemerintah yang

menguasai *Diet*, kerana majoriti dan kuasa yang dimilikinya, turut menguasai atau meluluskan dasar-dasar kerajaan yang disediakan oleh parti pemerintah walaupun mendapat bantahan parti pembangkang.

Ini menyebabkan perbincangan mengenainya pada rancangan *Nichiyou Touron* sentiasa ‘panas’. Faktor-faktor tersebut juga menyebabkan peserta dari parti-parti pemerintah lebih ‘bersahaja’ berbanding peserta dari parti-parti pembangkang.

3.11.1 Isu-isu yang Terdapat di dalam *Nichiyou Touron*

Terdapat beberapa isu yang dibincangkan di dalam perbincangan ini. Penulis telah membahagikan kesemua isu tersebut kepada beberapa bahagian utama seperti yang dibincangkan di bahagian yang seterusnya.

a) Kritikan terhadap Rang Undang-undang bagi Jenayah Rasuah

Isu utama yang dibincangkan di dalam perbualan berkumpulan Sesi 1 adalah rang undang-undang yang telah dirangka dan dibentangkan oleh parti-parti pemerintah berkenaan dengan jenayah rasuah oleh ahli-ahli *Diet*. Parti-parti pembangkang mempersoalkan ketelusan rang undang-undang ini terutama mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap ahli *Diet* dan setiausaha kepada ahli *Diet* ini.

Setiap ahli *Diet* mempunyai dua orang setiausaha iaitu setiausaha kerajaan yang menguruskan aktiviti rasmi dan setiausaha peribadi yang menguruskan aktiviti peribadi ahli *Diet*. Rang undang-undang ini hanya membuat peruntukan terhadap setiausaha kerajaan dan bukan setiausaha peribadi. Ini akan menyebabkan setiausaha peribadi terlepas dari tindakan undang-undang sekiranya membuat kesalahan semasa menjalankan tugasnya kerana tidak terdapat peruntukan undang-undang terhadap setiausaha peribadi.

Jika seseorang ahli *Diet* disyakki menerima rasuah, ahli *Diet* tersebut boleh menuding jari kepada setiausaha peribadinya dan mengelak dari sebarang tanggungjawab terhadap dirinya. Oleh kerana setiausaha peribadi tidak disebut di dalam rang undang-undang ini, maka setiausaha peribadi juga akan terlepas dari sebarang tindakan.

Kesukaran untuk mendakwa ahli *Diet* inilah yang menyebabkan pemimpin parti-parti pembangkang membantah rang undang-undang yang disediakan oleh Parti Pemerintah. Parti-parti pembangkang juga turut menyediakan rang undang-undang sendiri untuk dibentangkan tetapi telah ditolak oleh parti-parti kerajaan. Oleh kerana pemimpin tertinggi parti-parti pemerintah (terutamanya) banyak menerima sumbangan wang dari syarikat-syarikat swasta semasa pilihan raya terdapat pendapat yang mengatakan bahawa pemimpin parti-parti pemerintah cuba mengelak dari membuat rang undang-undang ini.

Tekanan dari pihak pembangkang menyebabkan pemimpin parti pemerintah membuat rang undang-undang sendiri yang tidak telus. Sumbangan wang dan penerima sumbangan ini boleh dirujuk di laman web <http://www.kenkin.com/jittai/ronza.html>.

b) Pindaan Sistem Pilihan Raya

Isu-isu yang diperbincangkan di dalam perbincangan berkumpulan Sesi 2 dan Sesi 3, serta perbincangan perorangan Sesi 1 hingga Sesi 5 adalah berkenaan dengan pindaan yang terdapat di dalam sistem pengundian bagi sistem perwakilan seimbang terutama berkenaan dengan format senarai tidak terhad. Pihak Pembangkang membantah keras pindaan ini kerana mungkin akan terdapat kecenderungan parti-parti politik terutama Parti Liberal Demokratik mencari calon popular bagi meraih undi terbanyak dari rakyat.

Sebenarnya sebelum ini, sudah terdapat ahli Dewan Perwakilan dan ahli Dewan Ahli Majlis yang terdiri daripada artis seperti pelawak, pelakon dan penyanyi, serta pengkritik politik dan sebagainya yang sering muncul di televisyen dan akhirnya mendapat undi rakyat dan berjaya di dalam pilihan raya. Oleh kerana setakat ini golongan artis (atau *tarento*) tidak menunjukkan komitmen yang mencukupi, terdapat kebimbangan oleh para pembangkang, pemilihan mereka akan merosakkan sistem pilihan raya dan mempengaruhi dasar-dasar yang akan ditetapkan oleh kerajaan.

Parti pemerintah pula berpendapat keadaan sebegini tidak akan berlaku dan jika ada kecenderungan sesebuah parti memilih artis sebagai calon, rakyat berhak untuk menilai parti tersebut sama ada memilih parti politik yang menampilkan artis atau sebaliknya. Mereka juga berpendapat sistem ini amat relevan dengan sistem demokrasi kerana rakyat mendapat hak secara langsung memilih calon mereka sendiri dan bukan setakat memilih parti politik sahaja.

Di dalam membalaik kritikan pemimpin parti-parti pembangkang, pemimpin parti-parti pemerintah pula membidas sikap pemimpin parti pembangkang yang memulaukan *Diet*, sebaliknya lebih suka menyuarakan pandangan mereka kepada televisyen dan saluran media yang lain. Pihak pembangkang pula menyatakan bahawa mereka terpaksa memulaukan *Diet* kerana itu sahaja cara untuk mereka menyalurkan perasaan tidak puas hati terhadap kaedah yang digunakan oleh parti pemerintah semasa mereka meluluskan sesuatu rang undang-undang.

Menurut pemimpin pembangkang adalah perlu untuk parti yang memerintah mendengar dan meneliti hujah-hujah penolakan parti pembangkang agar idea-idea yang bernas dapat diambil kira demi kepentingan negara. Sikap parti pemerintah yang dikatakan tergesa-gesa di dalam meluluskan rang undang-undang walaupun ditentang oleh parti pembangkang amat dikesali.

Walau bagaimanapun, parti pemerintah berpendapat masa dan perbincangan yang mencukupi telah diperuntukkan sebelum rang undang-undang tersebut diluluskan oleh *Diet*.

c) Kritikan terhadap Perdana Menteri dan Pegawai Tertinggi Kerajaan

Di dalam Sesi 4 perbincangan berkumpulan dan Sesi 6 perbincangan perorangan, perbincangan melibatkan salah laku seorang pegawai tertinggi kerajaan yang mendedahkan rahsia kerajaan kepada orang yang disyakki terlibat di dalam jenayah. Walaupun pegawai ini kemudiannya meletakkan jawatan, kritikan terhadap Parti Liberal Demokratik dan Perdana Menteri pada masa itu iaitu Mori Yoshiro tidak padam dengan peletakan jawatan tersebut.

Pihak pembangkang mahu Perdana Menteri turut mengambil tanggungjawab dengan meletakkan jawatan dan siasatan lanjut dijalankan. Parti-parti pemerintah pula berpendapat peletakan jawatan tersebut telah memenuhi kehendak rakyat dan adalah tidak perlu untuk sesiapa lagi mengeruhkan keadaan dan ‘menggulingkan’ kerajaan.

Komen R (subjek kajian dan orang yang menggantikan jawatan pegawai tertinggi tersebut) di dalam perbualan perorangan ini adalah sama dengan pemimpin parti pemerintah yang lain, iaitu salah laku tersebut adalah tindakan peribadi dan tidak sepatutnya Perdana Menteri turut dipersalahkan akibat perbuatan pegawai bawahannya.

Kritikan juga ditujukan kepada sikap Perdana Menteri pada masa itu, yang sering ‘terlepas cakap’ (失言) mengenai sesuatu isu. Pihak pembangkang berpendapat Mori tidak sesuai menjadi Perdana Menteri Jepun. Parti-parti kerajaan membantah kritikan pembangkang. Ini kerana walaupun Perdana Menteri selalu ‘terlepas cakap’, namun beliau seorang Perdana Menteri yang baik kerana selama menjadi Perdana Menteri, beliau tidak pernah silap dalam membuat dasar-dasar kerajaan.

Kewibawaan Perdana Menteri dipertikaikan bukan sahaja disebabkan oleh kedua-dua isu di atas tetapi juga disebabkan oleh sokongan rakyat yang merosot. Hasil daripada tinjauan akhbar dan media massa lain, Perdana Menteri sebelum ini, iaitu Obuchi mendapat antara 30%-50% sokongan dan kepercayaan rakyat, berbanding sokongan dan kepercayaan rakyat terhadap Mori iaitu pada satu masa tidak mencecah 10%, dan yang paling rendah adalah 5.4% sahaja. Ini merupakan faktor terpenting yang menyebabkan parti pembangkang kuat mendesak agar Mori meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Peratusan sokongan dan punca pada sokongan dan krisikian kedua-dua Perdana Menteri boleh didapati melalui laman-laman web seperti, <http://kodansha@cplaza.ne.jp>.

d) Cubaan Pemimpin Parti Pemerintah Menyokong Usul Undi Tidak Percaya terhadap Perdana Menteri oleh Parti Pembangkang

Perbincangan perorangan Sesi 7 sehingga Sesi 9 adalah berkisar tentang tindakan seorang ahli parti pemerintah yang memegang jawatan kanan dan penting di dalam parti iaitu Y, (juga subjek kajian) yang menyertai parti pembangkang serta membuat usul undi tidak percaya kepada Perdana Menteri. Ini merupakan langkah yang mengejutkan bukan sahaja kerana Y seorang yang agak kanan tetapi mempunyai peluang untuk menjadi Perdana Menteri jika tidak berbuat demikian. Y pada masa itu turut berkempen kepada golongan muda di dalam parti-parti kerajaan agar turut memberi undi tidak percaya kepada Perdana Menteri.

AA (juga subjek kajian) menentang keputusan Y dan mengancam untuk membuang nama Y sebagai ahli parti dan melucutkan jawatannya di dalam parti. Tindakan AA dikatakan tidak rasional kerana ia tidak melambangkan demokrasi di dalam parti dan Y percaya AA tidak akan melakukan sedemikian kerana tindakan AA itu nanti boleh menyebabkan ahli parti berkurangan. Peserta I pula memberitahu sebab-sebab mengapa partinya membuat usul tidak percaya kepada Perdana Menteri dan sebab-sebab tersebut talah dibincangkan terdahulu.

3.12 Penutup

Bab ini bukan sahaja telah cuba memberi penerangan mengenai metodologi kajian yang digunakan bagi menganalisis data tetapi juga sedikit kupasan mengenai topik-topik perbincangan di dalam diskusi ini, terutamanya yang berkaitan dengan petikan perbualan yang digunakan di dalam Bab 4, Bab 5 dan Bab 6 bagi memudahkan kefahaman mengenai topik yang diperbincangkan di dalam perbualan tersebut.